

TEMA 5 NOMBOR DAN ANGKA

Situasi 5.1 Nombor dan harga

Latar tempat : Sebuah kedai menjual pakaian

Jurujual : Ya, abang. Cari apa?

Pelanggan : Berapakah harga baju ini?

Jurujual : Oo, baju ini berharga RM40 sahaja.

Pelanggan : Boleh kurang?

Jurujual : Maaflah abang, harganya tetap sebab kainnya berkualiti.

Pelanggan : Ada yang lebih murah?

Jurujual : Ada. Baju ini berharga RM28.90 sahaja tetapi, kainnya agak nipis sedikit. Kalau abang hendak, saya boleh bagi dengan harga RM25.

Pelanggan : Baiklah, saya pilih baju ini. Berikan saya lima pasang dengan saiz M.

Jurujual : Semuanya RM125.

Pelanggan : Ini wangnya.

Jurujual : Baik, terima kasih.

Pelanggan : Sama-sama.